

14/02/1999

Abdullah hadir jamuan hari raya

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi semalam menghadiri jamuan Hari Raya anjuran Jabatan Perdana Menteri (JPM) di perkarangan Rumah Kelab Bukit Perdana.

Berucap pada majlis itu, Timbalan Perdana Menteri meminta pegawai dan kakitangan menunjukkan teladan kerja yang baik kerana mereka bukan sahaja berkhidmat di jabatan berkenaan, malah mereka diketuai oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Beliau percaya semangat setiakawan yang erat di kalangan kakitangan jabatan itu membolehkan JPM sentiasa memberikan khidmat terbaik selama ini.

(END)